

UCAPAN BAJET TAHUN 2009

OLEH

**Y.A.B DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN
KETUA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN SABAH
DI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PADA 14 NOVEMBER 2008 (JUMAAT)**

"USAHA MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT"

Bismillahir Rahmannir Rahim,

Tuan Speaker,

1. Saya mohon membentangkan Bajet Negeri bagi tahun 2009 untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker,

2. Saya bersyukur ke Hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, sekali lagi saya berpeluang menunaikan

tanggungjawab yang diamanahkan untuk membentangkan Bajet Negeri bagi tahun 2009 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker,

3. Menjelang tahun hadapan, kita akan memasuki tahun ke tujuh dalam pelaksanaan Dasar Halatuju Pembangunan Dan Kemajuan Negeri untuk kita bersama menjadikan negeri Sabah sebuah negeri maju di Malaysia pada tahun 2015. Kestabilan politik di Sabah yang dinikmati secara berterusan sehingga ke hari ini telah membawa banyak perubahan untuk kebaikan rakyat menerusi program-program pembangunan ekonomi dan sosial. Ini termasuklah taraf kualiti hidup yang kian meningkat bagi semua lapisan rakyat menerusi pembangunan menyeluruh yang mencakupi pelbagai bidang, khususnya dalam penyediaan kemudahan-kemudahan awam yang utama. Tumpuan juga diberikan kepada pembangunan perumahan di bandar dan luar bandar; kemajuan dari aspek keselamatan; kemudahan-kemudahan persekolahan, kesihatan dan pembangunan sosio ekonomi dan sosial luar bandar dengan penumpuan diberikan bagi menghapuskan kemiskinan. Di samping itu, pembangunan modal insan dan pemantapan institusi sektor awam yang bertanggungjawab ke atas penyediaan perkhidmatan awam serta kebajikan akan terus dipertingkatkan agar keperluan rakyat dapat disampaikan secara teratur, cepat dan berkesan.

Semua usaha ini, ditambah lagi dengan sumber kekayaan negeri dan penyertaan aktif sektor swasta akan menjadi pemangkin ke arah mewujudkan iklim pelaburan yang lebih kondusif untuk memacu pembangunan di negeri ini.

Tuan Speaker,

4. Menyedari bahawa perkembangan dalam persekitaran ekonomi dan pasaran kewangan yang tidak menentu, menuntut kita untuk lebih bermuafakat menggembelngkan sumber tenaga dan aset negeri supaya diurus dengan lebih berhemat dan proaktif agar ia lebih produktif. Pada tahun ini, kita telah menyaksikan krisis makanan diikuti dengan krisis tenaga serta dikalutkan lagi dengan penurunan kecairan, aliran kredit akibat daripada krisis kewangan global. Justeru, dasar kewangan negeri hendaklah mendokong langkah-langkah positif Kerajaan Persekutuan terutama sekali dasar fiskal dan kewangan nasional. Pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM7.0 bilion yang diumumkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan bertujuan untuk terus merangsang pertumbuhan ekonomi merupakan satu petanda yang baik dan tepat pada masanya.

5. Seperti mana kita sedia maklum negara-negara yang dilanda krisis merupakan pasaran eksport negara amnya. Negeri Sabah tidak terkecuali kerana kita mengeksport minyak kelapa sawit kepada negara-negara berkenaan khususnya China dan India. Kadar pertumbuhan kedua-dua negara pada tahun 2007 berbanding 2009 dijangkakan menurun daripada 11.90 peratus kepada 8.50 peratus bagi negara China manakala 9.30 peratus kepada 6.30 peratus bagi negara India. Keadaan ini juga akan menjejaskan permintaan terhadap keluaran negeri dan seterusnya boleh menjejaskan jumlah eksport ke negara-negara tersebut. Oleh itu, kerajaan akan sentiasa memantau pergolakan yang berlaku dan meningkatkan daya usaha bagi mengatasinya di peringkat domestik. Langkah-langkah awal yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi masalah harga baja dan mengkaji semula kutipan levi keuntungan berlebihan bagi menampung subsidi harga minyak masak, diyakini dapat mengurangkan beban kepada industri sawit.

Tuan Speaker,

STRATEGI BAJET

6. Dalam Bajet 2008, saya telah menekankan betapa pentingnya memastikan sistem penyampaian yang berkesan dan memperkukuhkan sumber kewangan negeri bagi menjamin pelaksanaan program-program di bawah Dasar Halatuju. Walaupun tahun 2009 menghampiri tempoh tamat Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe 9) namun dengan pelancaran Pelan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) pada 29 Januari 2008, akan memesatkan lagi momentum pembangunan yang amat diperlukan.

Tuan Speaker,

7. Dengan berteraskan lima (5) Misi Nasional, iaitu (i) Memberi fokus kepada meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi; (ii) Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama; (iii) Menangani masalah ketidakseimbangan sosio-ekonomi secara membina, dan produktif; (iv) Meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup dan (v) Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan. Maka wajar bagi saya untuk menggariskan Strategi Bajet Negeri 2009

bagi meneruskan usaha-usaha yang sedang dijalankan seperti berikut:

Pertama: Memastikan keberkesanan Pengurusan Kewangan dan kecekapan sistem penyampaian sektor awam, memperkukuhkan tadbir urus dan meningkatkan produktiviti.

Kedua: Memantapkan pembangunan dan penyediaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas ke arah merangsang perkembangan ekonomi dan sosial.

Ketiga: Memesatkan pembangunan modal insan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan serta penyertaan dalam ekonomi moden dan meningkatkan daya saing.

Keempat: Meningkatkan program pembangunan luar bandar bagi menjamin kualiti hidup serta membasmi kemiskinan.

Kelima: Mengemaskini program sosial dan sosio-ekonomi untuk membantu golongan kurang bernasib baik.

Tuan Speaker,

Ekonomi Malaysia

8. Pertumbuhan ekonomi Malaysia diramal akan menurun daripada 6.3 peratus pada tahun lalu kepada 5.7 peratus tahun ini dan 3.5 peratus pada tahun 2009. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah diramalkan secara menyeluruh (*broad-based*) mengambilkira sumbangan positif daripada semua sektor ekonomi. Sektor perkhidmatan dijangka membawa kesan terhadap pertumbuhan, berikutan dengan perkembangan kukuh dalam industri pelancongan, pengangkutan, perbankan dan kewangan serta industri berkaitan ICT. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada pertumbuhan KDNK dianggarkan dalam lingkungan 66 peratus pada tahun 2008 dan 2009, sementara sumbangan sektor pembuatan adalah di sekitar 25 peratus.

9. Pertumbuhan ekonomi akan terus didorong oleh permintaan domestik yang dipengaruhi oleh penggunaan sektor swasta yang dijangka berkembang pada kadar 6.80 peratus pada tahun 2008 dan 6.50 peratus pada tahun 2009. Ini merupakan penurunan daripada 10.80 peratus yang dialami pada tahun 2007. Pertumbuhan perbelanjaan sektor swasta diramal menurun sedikit daripada 10.60 peratus pada tahun 2007 kepada 6.60

peratus pada tahun ini dan meningkat kepada 6.40 peratus pada tahun 2009. Sementara pertumbuhan perbelanjaan sektor awam pula diramal menurun daripada 7.90 peratus pada tahun 2007 kepada 4.70 peratus pada tahun ini dan meningkat kepada 5.10 peratus pada tahun 2009.

Tuan Speaker,

Ekonomi Sabah

10. Krisis kewangan global yang berpunca dari masalah gadaian sektor perumahan (*subprime mortgage*) di Amerika Syarikat, harga bahan api yang tinggi dan kadar inflasi yang meningkat menjejaskan kadar pertumbuhan di rantau Asia. Akibatnya, pertumbuhan ekonomi negeri ini dijangka pada kadar 5 peratus pada tahun ini dan 4.50 peratus pada tahun hadapan.

11. Sebelum penurunan harga komoditi, sektor pertanian yang disokong oleh harga komoditi yang agak tinggi adalah penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Tanaman kelapa sawit meliputi lebih daripada 80 peratus jumlah kawasan yang diusahakan telah menyumbang hasil berjumlah RM4.50 bilion pada suku pertama tahun ini. Pada tahun 2008, hasil eksport dari sektor kelapa sawit diramal menjangkau lebih kurang RM15 bilion.

Satu lagi penyumbang utama ekonomi pada tahun ini adalah sektor pembinaan terutama sekali hartanah komersial dan perumahan. Sektor pembinaan dijangka berkembang lebih daripada 10 peratus tahun ini dan diramal akan menurun sedikit pada tahun hadapan disebabkan oleh sikap berhati-hati sektor swasta. Pada lapan (8) bulan pertama tahun ini, bilangan pelancong ke negeri Sabah telah mencecah 1.5 juta orang. Sektor pelancongan kini telah menjadi salah satu penjana utama pendapatan wang asing dan berpotensi untuk terus berkembang menerusi penerokaan produk dan kawasan pelancongan baru. Berdasarkan kepada unjuran tahun 2009, ketibaan pelancong pada tahun 2009 dijangkakan sekitar 3.03 juta orang dengan anggaran pendapatan sekitar RM5.79 bilion.

12. Sektor eksport negeri ini menunjukkan prestasi yang baik dengan menunjukkan pertumbuhan 65 peratus pada suku pertama tahun ini. Begitu juga import menunjukkan pertumbuhan yang kukuh pada kadar 25 peratus. Sektor eksport melonjak disebabkan oleh pertumbuhan teguh dalam pengeksportan minyak kelapa sawit, minyak isirong sawit, getah, minyak mentah dan kertas (*uncoated and writing paper*) (dengan izin); pertumbuhan dalam import adalah disebabkan oleh kenaikan harga makanan yang diimport, bahan api, kimia dan mesin serta kelengkapan pengangkutan. Walau pun harga import adalah tinggi, negeri ini berjaya mencapai

lebih dagangan berjumlah RM3.90 bilion pada suku pertama tahun ini yang merupakan peningkatan sebanyak 293 peratus berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu. Dengan kejatuhan harga komoditi dan unjuran pertumbuhan yang rendah di negara-negara pasaran utama, nilai eksport negeri dijangka akan menurun pada tahun hadapan.

13. Walaupun berhadapan dengan ketidakpastian ekonomi global, pelaburan sektor swasta tetap stabil. Ini dibuktikan oleh pertambahan 7.30 peratus dalam pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank komersial kepada beberapa sektor dalam ekonomi pada enam (6) bulan pertama tahun ini yang berjumlah RM26.60 bilion. Sektor pemborongan, peruncitan, restoran dan hotel merupakan penyumbang yang besar berjumlah RM3.30 bilion, diikuti oleh sektor pertanian dan sektor pembuatan masing-masing RM2.10 bilion, serta sektor pembinaan RM1.80 bilion. Pelaburan dalam hartanah bukan perumahan meningkat sehingga RM3.50 bilion sementara pelaburan dalam aset tetap (mesin dan kelengkapan) meningkat sebanyak 15 peratus ke tahap RM435 juta pada tempoh enam (6) bulan pertama tahun ini. Import mesin dan kelengkapan pengangkutan mencecah RM1.80 bilion meningkat 10.50 peratus manakala import baja untuk sektor perladangan berjumlah RM385 juta meningkat sebanyak 144 peratus pada suku pertama tahun ini.

Pelaksanaan beberapa buah projek mega di bawah program SDC seperti pusat dan hotel untuk konvensyen, projek Aeropod, *Kota Kinabalu City Waterfront* serta '*common bulking facility*' di POIC Lahad Datu yang bernilai RM3.70 bilion, berjalan lancar dengan adanya sokongan kukuh daripada Kerajaan. Walaupun pada lazimnya sikap berhati-hati pihak swasta akibat senario global masa kini membimbangkan, namun penganjuran selama empat hari '*Sabah International Expo 2008*' yang berakhir baru-baru ini telah mencatat peningkatan lapan kali ganda transaksi perniagaan dengan jumlah RM142.7 juta berbanding dengan RM18.1 juta pada tahun 2006. Ini menunjukkan bahawa keyakinan para pelabur dan peniaga domestik mahupun antarabangsa di Sabah adalah tinggi.

14. Pada enam bulan pertama tahun ini, kadar inflasi telah meningkat ke paras 4 peratus berbanding dengan 2.10 peratus pada tempoh yang sama tahun lalu. Namun penggunaan domestik tetap mantap disebabkan oleh peningkatan pendapatan isi rumah, bayaran bonus kepada anggota perkhidmatan awam pada tahun ini dan keadaan pasaran tenaga kerja yang stabil. Keadaan ini dibuktikan dengan peningkatan import kenderaan sebanyak 18.20 peratus, kenaikan pinjaman yang dikeluarkan untuk penggunaan sebanyak 4.60 peratus dan import 29 peratus pada suku pertama tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu.

15. Pasaran tenaga kerja telah bertambah baik dengan kadar pengangguran menunjukkan penurunan kepada 5.10 peratus daripada 5.50 peratus pada tahun 2007. Jumlah kekosongan pekerjaan yang dilaporkan oleh berbagai industri pada enam (6) bulan pertama tahun ini adalah 6,322 berbanding dengan 804 pada tempoh yang sama tahun lalu khususnya di sektor pertanian, pembuatan, perhotelan dan restoran.

Tuan Speaker,

HASIL NEGERI 2009

16. Hasil Negeri Sabah dianggarkan berjumlah RM2,333.19 juta pada tahun 2008. Namun begitu, amaun hasil negeri disemak bagi tahun ini adalah berjumlah RM2,895.63 juta, yang menunjukkan peningkatan sebanyak RM562.44 juta atau 24.11 peratus. Berdasarkan kutipan hasil setakat ini, saya yakin hasil Negeri Sabah mampu mencapai sehingga RM3,000 juta (RM3 bilion) pada penghujung tahun ini, satu pencapaian tertinggi dan terbesar dalam sejarah. Peningkatan hasil disemak adalah berikutan harga minyak sawit mentah dan minyak mentah yang tinggi pada awal tahun ini. Walau bagaimanapun, hasil dijangkakan menurun sebanyak 11.23 peratus tahun hadapan berbanding hasil disemak tahun ini dan penurunan ini disebabkan oleh dua faktor. Pertama, berdasarkan

trend semasa, harga purata minyak sawit mentah pada tahun 2009 dijangka lebih rendah berbanding dengan harga pada tahun ini. Kedua, hasil daripada Perhutanan dianggarkan mengalami kemerosotan sehingga 41 peratus pada tahun hadapan. Setelah mengambil kira semua faktor yang disebutkan tadi, hasil bagi tahun 2009 adalah dianggarkan berjumlah RM2,570.43 juta.

17. Pecahan anggaran hasil bagi tahun 2009 mengikut tiga kategori utama ialah: Hasil Cukai sebanyak RM910.18 juta atau 35.41 peratus, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM1,394.31 juta atau 54.24 peratus dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM265.94 juta atau 10.35 peratus.

18. Cukai Jualan, peneraju kategori Hasil Cukai, terus menjadi salah satu daripada dua penyumbang utama hasil Negeri Sabah. Anggaran disemak bagi tahun ini ialah RM1,057 juta berbanding dengan anggaran asal berjumlah RM833 juta, menunjukkan peningkatan 26.89 peratus. Bagi tahun 2009, sebanyak RM859 juta dianggarkan dapat dikutip melalui Cukai Jualan, dengan jumlah terbesar sebanyak RM780 juta adalah melalui cukai jualan minyak sawit mentah. Dengan mengambil kira harga pasaran komoditi yang turun mendadak maka unjuran hasil cukai ini bagi tahun 2009 sewajarnya dibuat secara konservatif.

Tuan Speaker,

19. Royalti yang merupakan penyumbang utama bagi kategori Hasil Bukan Cukai, dijangka akan mengatasi Cukai Jualan dari segi sumbangan dengan anggaran berjumlah RM897.01 juta, atau 34.90 peratus daripada hasil negeri bagi tahun 2009. Royalti Petroleum merupakan penyumbang tertinggi dalam komponen royalti. Berikutan dengan kenaikan mendadak harga minyak mentah dunia pada awal tahun ini, PETRONAS menyemak semula bayaran royalti bagi tahun 2008 kepada RM705 juta, pertambahan melebihi 51.18 peratus daripada anggaran asal sebanyak RM466.33 juta. Pada tahun hadapan, sebanyak RM719 juta dianggarkan sebagai bayaran Royalti Petroleum kepada Kerajaan Negeri Sabah. Jumlah ini menyumbang 27.97 peratus daripada keseluruhan hasil negeri yang dianggarkan pada tahun 2009. Perlu ditekankan di sini bahawa tiga faktor utama yang mempengaruhi anggaran jumlah royalti petroleum, ialah jumlah pengeluaran, harga minyak mentah dan kadar tukaran wang asing.

20. Bayaran Premium juga merupakan satu lagi penyumbang penting dalam kategori Hasil Bukan Cukai. Sejumlah RM132.65 juta dijangka dapat dikutip melalui Premium pada tahun hadapan, berbanding dengan anggaran disemak RM159.10 juta tahun ini. Pengurangan pengeluaran balak pula dijangka akan mengakibatkan

penurunan Premium Kayu Balak dengan RM32.65 juta sahaja dianggarkan pada tahun 2009 berbanding dengan anggaran disemak RM59.10 juta bagi tahun 2008. Manakala, Premium dari Jualan Tanah dijangka kekal dengan sumbangan sebanyak RM100 juta pada tahun hadapan iaitu bersamaan dengan anggaran disemak pada tahun ini.

Tuan Speaker,

21. Di bawah kategori yang sama seterusnya, Perolehan dari Jualan Barang-barang dianggarkan dapat menjana pendapatan lebih kurang RM138.34 juta pada tahun hadapan, iaitu sedikit pertambahan berbanding dengan anggaran disemak RM135.16 juta bagi tahun ini. Jualan Air terus mendahului dalam komponen ini dengan jumlah RM106.48 juta. Faedah dan Perolehan dari Pelaburan pula dijangka dapat memberi pulangan sebanyak RM138.09 juta pada tahun hadapan. Jumlah ini adalah 40.89 peratus melebihi anggaran disemak RM98.01 juta pada tahun ini. Di bawah komponen ini, Dividen Perbadanan-Perbadanan Awam merupakan penyumbang tertinggi dengan anggaran RM80 juta diikuti oleh Faedah atas Baki Wang Tunai dan Simpanan Jangka Pendek berjumlah RM50 juta.

22. Bagi kategori Terimaan Bukan Hasil, sebanyak RM265.95 juta dianggarkan pada tahun hadapan. Anggaran disemak bagi tahun ini berjumlah RM294.56 juta, sebanyak 10.33 peratus melebihi anggaran asal sebanyak RM266.97 juta. Kategori ini kebanyakannya adalah berkaitan Pemberian dan Sumbangan Kerajaan Persekutuan. Jumlah pemberian dan sumbangan tahunan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan merupakan 10.34 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil negeri berbanding dengan hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri secara langsung melalui sumber asli seperti pertanian, petroleum, perhutanan, tanah serta air yang menyumbang 79.22 peratus. Pemberian dan sumbangan Kerajaan Persekutuan adalah sumber hasil negeri yang penting termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkaitan, manakala hasil daripada sumber asli banyak bergantung kepada faktor luaran seperti harga pasaran dan jumlah pengeluaran. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk mengkaji semula sumber pemberian dan sumbangan Kerajaan Persekutuan demi meningkatkan hasil kewangan negeri. Saya yakin dengan jalinan keakraban yang sedia wujud di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, maka usaha kita untuk memantapkan ekonomi negeri, meningkatkan tahap keselamatan, keamanan dan kemakmuran negeri Sabah akan terus tercapai dengan jayanya.

ANGGARAN PERBEKALAN DAN PEMBANGUNAN BAGI 2009

ANGGARAN PERBEKALAN 2009

Tuan Speaker,

23. Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah yang prihatin dan sentiasa memperjuangkan nasib rakyat jelata ini, sekali lagi mencipta sejarah di Dewan yang mulia ini, dengan membentangkan Bajet yang tertinggi dan terbesar pernah tercatat di negeri ini. Untuk itu, saya mencadangkan sejumlah RM2,778.81 juta bagi Perbelanjaan Perbekalan untuk tahun 2009. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak RM477.66 juta atau 20.76 peratus berbanding dengan Anggaran Perbekalan bagi tahun 2008.

24. Anggaran Perbekalan 2009 merangkumi komponen Emolumen sebanyak RM581.06 juta. Perbelanjaan Berulang pula disyorkan sebanyak RM883.30 juta iaitu meningkat sebanyak RM152.46 juta atau 20.86 peratus berbanding dengan anggaran sebanyak RM730.84 juta dalam tahun 2008. Seterusnya cadangan untuk Perbelanjaan Khas ialah sebanyak RM1,314.45 juta menunjukkan kenaikan sebanyak RM340.55 juta atau 34.97 peratus berbanding dengan anggaran sebanyak RM973.90 juta bagi tahun 2008.

Tuan Speaker,

25. Agihan peruntukan Perbekalan yang dicadangkan bagi tahun 2009 mengikut Kementerian adalah seperti berikut:

Bil.	Kementerian	RM(JUTA)
1.	Kementerian Kewangan	1,019.87
2.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	539.64
3.	Jabatan Ketua Menteri	392.93
4.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	253.31
5.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	125.97
6.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	98.65
7.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	82.37
8.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	58.05
9.	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	54.92
10.	Kementerian Belia dan Sukan	36.18
11.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	9.32
12.	Perbelanjaan tidak termasuk dalam Kementerian	18.66
13.	Perbelanjaan Tanggungan	88.94
	Jumlah	2,778.81

Sekali lagi saya ingin tekankan, bahawa jumlah perbelanjaan perbekalan untuk Tahun 2009 sebanyak RM2,778.81 adalah Bajet yang tertinggi dan terbesar pernah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009

Tuan Speaker,

26. Perbelanjaan wang negeri bagi Pembangunan tahun 2009 melibatkan jumlah sebanyak RM1,040.48 juta iaitu penambahan sebanyak RM56.25 juta atau 5.71 peratus berbanding dengan anggaran disemak bagi tahun ini sebanyak RM984.23 juta. Jumlah ini termasuk RM13.00 juta Simpanan Luar Jangka.

27. Dari segi agihan peruntukan pembangunan berdasarkan tanggungjawab mengikut kementerian, menunjukkan bahawa Kementerian Pembangunan Infrastruktur menerima peruntukan sejumlah RM371.12 juta atau 35.67 peratus. Ini diikuti oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Jabatan Ketua Menteri yang masing-masing mendapat peruntukan sejumlah RM209.41 juta atau 20.13 peratus, dan RM172.37 juta atau 16.57 peratus. Kementerian Pembangunan Luar Bandar diperuntukkan

sejumlah RM79.12 juta atau 7.6 peratus, dengan sejumlah RM36.22 juta daripadanya adalah untuk Program Peruntukan Khas yang meliputi perbelanjaan di setiap kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional.

28. Agihan peruntukan pembangunan mengikut sektor pula adalah seperti berikut: Sektor Ekonomi diperuntukkan sejumlah RM693.94 juta atau 67 peratus; Sektor Sosial diperuntukkan sejumlah RM268.48 juta atau 26 peratus, manakala Sektor Pentadbiran Am sejumlah RM65.05 juta atau 6 peratus.

Tuan Speaker,

29. Selain daripada peruntukan wang negeri untuk pembangunan 2009 yang saya nyatakan tadi, terdapat juga sumber-sumber peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM435 juta dalam bentuk imbuhan balik perbelanjaan dengan jumlah RM65.63 juta dan pinjaman sebanyak RM369.37 juta. Dengan mengambilkira peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan ini, maka anggaran keseluruhan Belanjawan Pembangunan bagi Negeri Sabah bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM1,475.48 juta.

Tuan Speaker,

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN PERINDUSTRIAN

30. Sebagaimana kita sedia maklum, infrastruktur fizikal dan kemudahan asas berserta infrastruktur ekonomi adalah menjadi tulang belakang ke arah menyokong sektor-sektor yang terkandung dalam Dasar Halatuju. Dengan pelaksanaan dan penyiapan beberapa buah loji air yang baru di Sandakan, Papar, Kudat dan Tuaran, bukan sahaja dapat membekalkan air terawat sebagai prasyarat peningkatan kualiti hidup, ia juga dapat memberi keyakinan ke atas kecekapan kapasiti jentera Kerajaan pada keseluruhannya. Ini tidak termasuk beberapa batang jalanraya dan projek pembetulan yang mempunyai matlamat yang sama, yang saya yakin akan dihuraikan oleh kementerian berkenaan. Sehingga bulan Oktober tahun ini, sebanyak RM1.1 bilion telah dilaburkan untuk pelaksanaan projek-projek berkenaan. Justeru, tumpuan akan terus diberikan untuk memesatkan lagi penyediaan perkhidmatan ini. Kemudahan-kemudahan infrastruktur yang mantap berupaya menjana dan merangsang suasana pelaburan, pertumbuhan perindustrian mahupun kesejahteraan rakyat. Untuk tujuan ini, peruntukan berjumlah RM768.79 juta disediakan pada tahun hadapan. Daripada jumlah tersebut, RM396.92 juta adalah untuk pengurusan dan manakala sejumlah RM371.87 juta

lagi untuk pengendalian projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan dan yang baru.

31. Pembangunan infrastruktur ekonomi melalui penyediaan estet perindustrian seperti *Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP)*, *Palm Oil Industrial Cluster (POIC)* mahu pun di tempat-tempat lain serta pembangunan rumah-rumah kedai di pekan-pekan luar bandar akan terus dirancakkan dengan menyediakan sejumlah RM68.78 juta di bawah kementerian-kementerian berkenaan. Selain daripada peruntukan sejumlah RM18.85 juta untuk pengurusan POIC, RM13.12 juta lagi adalah disediakan untuk rumah-rumah kedai di antaranya di Pulau Bum Bum, Paitan, Merotai dan Kundasang. Semua ini penting untuk menggalakkan promosi pelaburan, perdagangan dan pertumbuhan program industri khususnya industri kecil dan sederhana di Sabah. Sehubungan ini, Kerajaan akan terus memberikan sokongan ke arah usaha mempromosikan Sabah sebagai destinasi pelaburan oleh badan-badan tertentu khususnya *Sabah Federation of Manufacturers* menerusi *Sabah Industrial Exhibition (SIE)*.

SEKTOR PERTANIAN

32. Sektor pertanian yang menjadi penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri Sabah akan terus dipergiatkan peranannya dalam usaha mempelbagaikan produk yang mempunyai potensi nilai tambah. Justeru, rancangan pembangunan di bawah POIC akan terus diberikan tumpuan. Kerajaan juga mengambil berat tentang usaha meningkatkan tahap pengeluaran makanan domestik dalam pelbagai bidang khususnya pengeluaran beras bagi memastikan keperluan domestik mencukupi di samping mengurangkan import makanan. Majoriti penduduk Sabah tinggal di luar kawasan bandar, maka penekanan Kerajaan terhadap sektor pertanian adalah wajar dan membawa banyak manfaat dari segi sosio ekonomi dan lain-lain peluang. Bagi mencapai objektif ini, pekebun-pekebun kecil, nelayan pesisir pantai dan para penternak akan terus dimajukan bagi menyokong halatuju ini. Untuk ini, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM394.54 juta pada tahun hadapan. Subsidi tanaman padi dan baja akan ditingkatkan seiring dengan peningkatan subsidi susu yang dilaksanakan tahun ini dengan peruntukan RM25 juta daripada RM20 juta. Saya yakin dengan adanya pakej bantuan subsidi Kerajaan ini ditambah lagi dengan penglibatan agensi kerajaan aktiviti dalam penanaman padi komersial, maka ia akan memberi kesan positif dalam usaha meningkatkan bekalan

domestik. Tumpuan yang diberikan ke atas infrastuktur sokongan menerusi penyediaan kemudahan pengairan dan saliran dengan peruntukan sebanyak RM28.33 juta, saya yakin usaha ini akan membawa impak ke atas program yang dirancang.

SEKTOR PELANCONGAN

33. Menyedari sumbangan besar sektor pelancongan ke atas pertumbuhan ekonomi negeri Sabah maka semestinya idea-idea baru dan rancangan yang ada diperhebatkan lagi melalui promosi strategik antarabangsa dan kepelbagaian produk. Tidak kurang pentingnya, ialah galakan kepada pelancong domestik untuk mengunjungi pusat-pusat peranginan tempatan dan beberapa pesta anjuran Kerajaan yang berunsurkan kebudayaan etnik tempatan. Saya yakin kementerian berkenaan akan menghuraikan lebih terperinci mengenai kepelbagaian produk pelancongan di negeri ini. Oleh itu saya mencadangkan sejumlah RM82.01 juta daripada RM102.09 juta keseluruhan peruntukan untuk pengurusan dimanfaatkan bagi melaksanakan program pelancongan, perlindungan alam sekitar dan pengendalian hidupan liar. Sehubungan itu, Kerajaan bercadang meningkatkan peruntukan kepada RM25 juta untuk Lembaga Pelancongan Sabah sebagai

pemacu kepada perkembangan industri pelancongan di negeri ini. Sejalan dengan itu, Kerajaan menyedari akan peri pentingnya mengekalkan dan memulihara alam sekitar yang kaya dengan keunikan biodiversiti serta spesis flora dan fauna yang unik dan menarik telah menjadi tunjang serta daya tarikan kepada sektor eko-pelancongan di negeri di bawah bayu ini.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN ICT

34. Pembangunan Modal Insan merupakan faktor penting ke arah melahirkan generasi yang berpengetahuan, berdaya saing dan berdaya tahan. Oleh itu, sejumlah RM188.14 juta diperuntukkan untuk membangunkan modal insan yang meliputi beberapa program seperti latihan dalam perkhidmatan untuk anggota perkhidmatan awam, akses ke institusi pengajian tinggi melalui bantuan biasiswa, mempergiatkan latihan kemahiran vokasional masyarakat dan pembangunan rohani. Tadbir urus kerajaan yang baik (*good governance*) memerlukan tahap kecekapan dan prestasi tinggi dalam kalangan anggota perkhidmatan awam negeri, maka sejumlah RM10 juta diperuntukkan untuk mempergiatkan lagi peningkatan kemahiran di bawah program pembangunan sumber

manusia di semua peringkat Kementerian dan Jabatan serta agensi-agensi Kerajaan.

35. Usaha-usaha terus dicurahkan untuk membantu meningkatkan pencapaian akademik dengan menambah pemberian biasiswa kepada pelajar yang cemerlang dengan memperuntukkan sejumlah RM28 juta berbanding RM25 juta pada tahun ini. Bagi terus membentuk masyarakat berakhlak mulia, "biarlah kita melentur buluh dari rebungunya". Oleh itu bagi menguruskan sekolah-sekolah agama Islam termasuk rumah anak yatim, sejumlah RM20.8 juta disediakan di samping RM21.93 juta untuk penyenggaraan dan pembangunan masjid, surau dan sekolah agama di bawah JHEAINS. Kerajaan akan terus membuat caruman kepada sekolah-sekolah persendirian dengan jumlah RM10 juta berbanding RM8 juta pada tahun ini. Bagi maksud pembangunan rohani, di bawah program Badan-badan Keagamaan Bukan Islam sejumlah RM20 juta akan terus diperuntukkan.

Tuan Speaker,

36. Kerajaan Barisan Nasional peka betapa pentingnya melahirkan tenaga kerja mahir di kalangan belia dan beliawanis Sabah agar mereka memperoleh kejayaan hasil kemahiran yang mereka miliki.

Untuk maksud ini, sejumlah RM20.84 juta diberikan kepada Kementerian dan Jabatan berkenaan bagi melaksanakan program-program pembangunan belia seperti yang diperlukan. Bagi meneruskan usaha Kerajaan dalam mewujudkan masyarakat yang cintakan ilmu, berpengetahuan dan berpendidikan tinggi, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM19.06 juta untuk Jabatan Perpustakaan Negeri Sabah sebagai pusat sumber ilmu dan informasi. Sejumlah RM16 juta lagi diperuntukkan untuk kerja-kerja awal bagi melaksanakan projek '*Sandakan Education Hub*'. Sebahagian besar perbelanjaan ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan yang dimulakan dengan RM60 juta pada tahun hadapan.

Tuan Speaker,

37. Sejajar dengan dasar kerajaan elektronik yang berkait rapat dengan pembangunan modal insan yang berkemahiran dalam bidang ICT, maka Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM34.43 juta untuk menyokong dan melaksanakan program-program pembangunan modal insan yang berteraskan ICT. Dalam konteks ini, Pembangunan ICT akan terus menjadi pemangkin kepada pewujudan *K-Economy*, dengan tumpuan diberikan kepada

sektor-sektor strategik seperti pelancongan, pertanian, pembuatan dan pembelajaran sebagai usaha meningkatkan daya saing (*competitiveness*) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara program ICT yang akan dilaksanakan ialah memperkukuhkan Sistem Kerajaan Elektronik Sabah yang mencakupi aplikasi seperti E-Komuniti, E-Pembelajaran, E-Dagang dan lain-lain yang berkaitan. Program pembangunan ICT di bawah program ini akan diperluaskan lagi ke kawasan-kawasan luar bandar agar gerakan celik komputer atau celik ICT ini dapat diperhebatkan untuk manfaat masyarakat seluruhnya. Justeru, sebagai landasan utama untuk meningkatkan keberkesanan pembangunan ICT di negeri ini, Kerajaan sedang memberi tumpuan kepada pembangunan **info-struktur** melalui perluasan liputan jalur lebar (*broadband*).

KEMISKINAN, SOSIAL DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Pembasmian Kemiskinan

Tuan Speaker,

38. Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah adalah Kerajaan yang dipilih dan dibentuk oleh rakyat jelata di negeri ini. Selaras dengan hakikat itu, Kerajaan ini amat mengambil berat akan kadar kemiskinan yang wujud di negeri ini. Oleh yang demikian, usaha

pembasmian kemiskinan khususnya kemiskinan tegar akan terus dipergiatkan tanpa kompromi. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM159.82 juta kepada Jabatan Ketua Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Pejabat-pejabat Daerah bagi melaksanakan program-program ke arah meningkatkan kapasiti pelaksanaan secara terancang bagi menjamin kejayaan dalam meningkatkan kualiti hidup dan pendapatan isi rumah golongan miskin dan miskin tegar. Sebagai tambahan, hampir kesemua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dengan sumber kewangan masing-masing telah pun memberi penekanan khusus kepada pelaksanaan program-program yang memberi manfaat dan impak positif terhadap rakyat yang termasuk dalam golongan ini.

Tuan Speaker,

39. Untuk memastikan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan berjalan lancar, sejumlah RM59.12 juta daripada jumlah yang disebutkan sebentar tadi, diperuntukkan untuk pelaksanaan program secara spesifik yang diyakini berkesan untuk mengeluarkan kumpulan sasar daripada kategori golongan miskin tegar. Antara program yang dikenalpasti ialah projek agropolitan berkaitan pembangunan tanah bersepadu yang dilaksanakan di daerah-daerah fokus seperti Banggi, Pitas, Beluran, Kota Belud, Tenom dan Tongod,

di samping menambah lebih banyak program Mini Estet Sejahtera (MESEJ). Program lain termasuklah peningkatan pendapatan, bantuan secara langsung, program industri desa dan sebagainya. Tanggungjawab yang mencabar tetapi mulia ini, seharusnya mendorong kita untuk lebih bertenaga menangani isu kemiskinan di Sabah secara lebih efektif dan bersepadu. Dengan wujudnya gabungan mekanisme di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan, ibarat kata pepatah, "ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni, ke lautan sama direnangi", saya penuh yakin, hasrat murni kerajaan pilihan rakyat ini, akan terlaksana, dengan jayanya.

Program Sosial Dan Kebajikan Am

Tuan Speaker,

40. Untuk membuktikan keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional dalam membela nasib golongan yang kurang bernasib baik, kerajaan memperuntukan sejumlah RM99.32 juta berbanding dengan RM60.33 juta pada tahun ini. Lonjakan ke atas peruntukan ini melibatkan kenaikan bantuan sosial sehingga melebihi 100 peratus ke atas beberapa program kebajikan seperti bantuan am, dengan kadar baru

yang diberikan, iaitu, antara RM150 hingga RM300 sebulan, berbanding RM70 hingga RM175 pada masa ini; bantuan kepada anak yatim dan golongan miskin, dengan kadar di antara RM200 hingga RM450 sebulan, berbanding kadar semasa, RM70 hingga RM250, dan tabung rayuan derma-derma dengan kadar di antara RM500 sehingga RM3,000 bagi setiap kes, berbanding RM150 hingga RM650 seperti yang diperuntukkan sekarang.

Peranan NGO dan Wanita

41. Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini, tidak pernah lupa, bahkan sentiasa mengambil berat dan mengiktiraf peranan kaum wanita, dalam pelbagai sektor pembangunan di negeri ini. Justeru, sumbangan kaum wanita amatlah kita hargai dan disanjung tinggi. Izinkan saya merakamkan rasa penghargaan ini dengan serangkap pantun;

Terang bulan di langit tinggi

Cahaya memancar ke pohon kelapa

Berse semangat waja tabah berbakti

Kaum Wanita tidak dilupa!

Dewasa ini, ramai wanita yang terdiri daripada golongan profesional menerajui jawatan-jawatan penting dalam kerajaan mahupun dalam organisasi-organisasi lain di semua peringkat. Oleh itu, untuk memperkasakan lagi peranan mereka saya mencadangkan peruntukan sejumlah RM12.66 juta pada tahun hadapan. Bantuan ini adalah untuk memantapkan jentera pentadbiran Persatuan, Badan-badan NGO dan Majlis Penasihat Wanita Sabah yang mereka terajui, termasuklah lain-lain program sosial dan program kekeluargaan. Dengan sumbangan ini, saya berharap golongan wanita akan terus menyumbang dan menyalurkan pelbagai idea serta cadangan dalam kegiatan-kegiatan berkaitan dengan pendidikan, sosial, budaya dan ekonomi dengan memberi tumpuan kepada pembangunan dan kemajuan masyarakat wanita di luar bandar.

Tuan Speaker,

PERANAN BADAN BERKANUN DAN AGENSI AWAM

42. Agensi-agensi Kerajaan Negeri yang selama ini memainkan peranan penting sebagai pemangkin pembangunan ekonomi negeri mahupun sosio-ekonomi rakyat, akan terus diberi perhatian serius dan dipantau sekerap mungkin. Sehubungan itu, Kerajaan akan memastikan keupayaan serta kecekapan mereka menerusi pemantapan tadbir urus korporat untuk memastikan keberkesanan

pengurusan dan kebijaksanaan lembaga pengarah agar agensi-agensi ini sentiasa berdaya saing, dinamik dan progresif.

43. Sebagai inisiatif untuk terus menjamin kestabilan agensi selain faktor integriti dan urus tadbir yang baik, Kerajaan Negeri akan memperkukuhkan kedudukan kewangan mereka dengan menstrukturkan hutang agensi termasuk pihak berkuasa tempatan yang tertunggak selama ini. Bagi maksud ini, Kementerian Kewangan telah menjalankan *exercise* untuk menilai semula pinjaman sama ada ditukarkan kepada pegangan ekuiti atau dihapuskira terutama hutang lapuk yang tidak menjana pulangan dan tidak bercirikan perniagaan. Seajar dengan usaha ini, sejumlah RM210 juta telah dikenalpasti untuk tujuan tersebut dan akan dilunaskan secara hapuskira atau ditukar kepada geran atau ekuiti secara berperingkat. Sebagai permulaan, untuk tahun 2009, sejumlah RM37 juta diperuntukkan untuk maksud tersebut.

44. Tindakan pelunasan pinjaman tersebut seterusnya dapat mengurangkan liabiliti agensi dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan keuntungan yang boleh dimanfaatkan bagi aktiviti dan projek agensi terlibat. Kewangan agensi yang kian kukuh telah juga berjaya menyumbang kepada kerajaan negeri dalam bentuk bayaran dividen dan bayaran balik pinjaman. Pada tahun 2008 sejumlah RM33.73 juta termasuklah bayaran balik

hutang dan dividen dibayar kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk tunai belum mengambil kira RM20 juta yang dianggarkan akan diterima sehingga penghujung tahun ini. Berikutan daripada *exercise* yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan sejajar dengan perubahan sistem percukaian oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah mengemukakan tuntutan bayaran balik cukai pendapatan ke atas pengisytiharan dividen dalam tahun itu kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri sebanyak RM160 juta.

45. Dengan semangat kerjasama dan dedikasi yang tinggi dalam kalangan anggota sektor awam masa kini, saya yakin prestasi agensi-agensi Kerajaan seperti Sabah Development Bank Berhad, Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd., Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd., SEDCO dan Sabah Credit Corporation akan terus bertambah baik dari semasa ke semasa melalui pengisytiharan dividen dan pembayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Beberapa buah badan berkanun dan agensi awam seperti Ko-Nelayan, Lembaga Sukan Negeri Sabah, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Korporasi Pembangunan Desa dan Yayasan Usaha Maju yang selama ini telah mengalami kerumitan, kini telah mula menunjukkan prestasi tadbir urus yang baik. Komitmen dan sistem pengurusan yang profesional disertai dengan tadbir urus serta amalan yang

baik (*good governance and practices*) telah menyumbang ke arah pencapaian yang positif ini. Di samping itu, mereka juga telah mempamerkan sikap prihatin dan mesra rakyat melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti tertentu menerusi tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility*). Saya berharap agensi-agensi ini akan lebih menyerlah dalam perniagaan masing-masing agar mereka dapat berdikari tanpa mengharapkan sangat bantuan kewangan daripada Kerajaan.

Penutup

Tuan Speaker,

46. Bagi memastikan sesuatu dasar dan program pembangunan mencapai matlamatnya, demi untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat, kita yang menjalankan amanah awam hendaklah ikhlas, berintegriti dan mempunyai tekad serta iltizam dengan penuh kesungguhan, "bukan hanya sekadar melepaskan batuk di tangga". Kata pahlawan Melayu, "genggam bara api biar sampai menjadi arang, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih". Mandat yang diberikan oleh rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional wajib dipikul dengan penuh rasa tanggungjawab, keinsafan, jujur dan amanah.

Tuan Speaker,

47. Pelancaran Koridor Pembangunan Sabah (SDC) adalah merupakan dasar pembangunan holistik yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, dijangka akan dapat menyepadukan dasar-dasar pembangunan negeri dan berupaya menggembeleng jentera Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pendekatan ini sudah tentu akan dapat memperhebatkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri dan menjamin pengagihan kekayaan negeri yang seimbang dan saksama. Dalam hubungan ini, saya menyarankan agar anggota sektor awam yang menjadi tulang belakang kepada jentera pentadbiran Kerajaan hendaklah terus memantapkan sistem penyampaian, supaya ia tambah berkesan dan berprestasi tinggi. Sehubungan itu, kerajaan telahpun mengiktiraf sumbangan anggota perkhidmatan awam dengan membayar bonus sebulan gaji atau minimum RM1,000 pada tahun ini. Kerajaan telah juga melabur berjuta ringgit untuk membangunkan kapasiti semua peringkat anggota awam serta institusi sektor awam menerusi pelbagai latihan kemahiran berkaitan perkhidmatan awam. Justeru, pada hemat saya, adalah bertepatan bagi anggota perkhidmatan awam untuk bangkit dan terus mencurahkan khidmat bakti ke arah meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan. Oleh itu, Bajet 2009 akan sentiasa memberi keutamaan kepada bidang-

bidang yang dikenal pasti di sektor-sektor halatuju iaitu pertanian, pelancongan dan industri yang berupaya menyumbang ke arah peningkatan kesejahteraan rakyat. Walaupun begitu kita harus beringat agar mengamalkan perbelanjaan awam yang berhemat dengan mengelakkan pembaziran di samping meningkatkan produktiviti pada setiap masa, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang, seperti kata bidalan "setitik jadikan selautan, sekepal jadikan segunung".

Tuan Speaker,

48. Pengalaman yang lepas haruslah mendewasakan kita dan seharusnya dijadikan panduan untuk membuat keputusan yang lebih bijaksana. Kita berbangga dengan pencapaian beberapa jabatan Kerajaan seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Tanah dan Ukur serta beberapa Pejabat Daerah yang sentiasa menunjukkan peningkatan prestasi penyampaian. Pencapaian ini seharusnya menjadi inspirasi kepada jabatan-jabatan lain untuk terus maju. Namun demikian, kita tidak seharusnya leka dengan pencapaian yang ada. Kita sentiasa berhadapan dengan tugas dan tanggungjawab yang mencabar untuk menjadikan Sabah

lebih maju dan makmur. Oleh itu, saya mengajak semua pemimpin dan seluruh lapisan rakyat agar sentiasa memberi sokongan yang padu kepada Kerajaan Barisan Nasional seperti ungkapan, "bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat" dan mengorak langkah yang proaktif bagi memastikan agar sasaran menjadikan Sabah sebagai sebuah negeri maju menjelang tahun 2015 menjadi satu kenyataan, Insya Allah.

49. Di sini, saya suka mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini bahawa; bagi pihak seluruh rakyat negeri ini, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Y.A.B. Datuk Seri Panglima Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang amat kita kasihi, di atas keprihatinan beliau terhadap pembangunan dan keperluan negeri ini dengan memberikan peruntukan yang besar kepada negeri Sabah. Di samping itu juga, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Y.A.B. Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan Malaysia yang baru. Kita penuh yakin dengan pengalaman dan kewibawaan beliau, Kementerian Kewangan Malaysia akan terus cemerlang dan ekonomi negara berkembang pesat bagi mencapai kemakmuran yang berkekalan.

50. Kerajaan Barisan Nasional, sama ada di peringkat Pusat, apatah lagi di peringkat Negeri, akan sentiasa membela nasib rakyat sama ada di kota atau di desa, bak pantun melayu:-

Pergi memukat di hujung Tanjung

Pukat dipasang berjela-jela

Walau di bandar atau di kampung

Rakyat jelata tetap di bela!

51. Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa mandat besar yang diberikan oleh rakyat terhadap Kerajaan Barisan Nasional ini akan berterusan kita pikul dengan penuh rasa tanggungjawab dan keinsafan. Semoga Allah SWT akan terus memberikan petunjuk dan hidayah, serta melimpahkan kemakmuran kepada rakyat jelata, dan negeri yang tercinta ini, bagi kita menunaikan amanah yang diberikan, demi kesejahteraan dan kemakmuran kita bersama, dan generasi yang akan datang.

Tuan Speaker,

Saya mohon mencadangkan.